

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam memastikan pengurusan bencana seperti banjir besar dapat diuruskan dengan baik dan berkesan, apakah arahan 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan terus dipakai untuk bencana alam dan agensi manakah yang akan menjalankan operasi untuk pengurusan bencana terutama di negeri Kelantan pada tahun 2015.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memantap dan mentransformasikan pengurusan bencana supaya menjadi lebih komprehensif dan fokus, pada 26 Ogos 2015, Jemaah Menteri telah bersetuju terhadap cadangan penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) selain bersetuju kepada perubahan dalam mekanisme pengurusan bencana negara.

APBN, JPM ditubuhkan bagi memperkemaskan struktur pengurusan bencana negara serta mewujudkan sinergi antara agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana termasuk agensi tindak balas. Agensi ini seterusnya mengambil alih peranan Majlis Keselamatan Negara (MKN), JPM sebagai agensi peneraju (*National Focal Point*) dalam pengurusan bencana negara di peringkat ASEAN, Asia, dan seluruh dunia. Pada 1 Oktober 2015, waran perjawatan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), maka dengan itu APBN ditubuhkan secara rasminya pada tarikh tersebut.

Selari dengan transformasi pengurusan bencana Negara, mekanisme pengurusan bencana telah diperkemaskan di mana Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) akan menjadi sekretariat danurus setia bagi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana di peringkat pentadbiran pusat, negeri, daerah serta menjadi peneraju di peringkat komuniti. Penglibatan JPAM sebagai *first responder* di peringkat

komuniti akan mengurangkan masa tindak balas apabila menghadapi bencana selain dipertanggungjawabkan untuk menerajui penubuhan Pasukan Tindakbalas Kecemasan Pertahanan Awam atau *Civil Defense Emergency Response Team (CDERT)* bersama organisasi seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Kawasan Rukun Tetangga (KRT) atau yang setara bagi menyokong jentera pengurusan dan bantuan bencana kepada masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua,

Prinsip Arahan MKN No.20 masih lagi relevan dan diguna pakai untuk tujuan penyelarasan dalam fasa tindak balas selain agensi-agensi terbabit perlu mematuhi satu SOP tindak balas bersepadu (*unified command*) di bawah seliaan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana di peringkat negeri dan daerah.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU
HASAN
[PARIT]**

TARIKH : 2 November 2015 (Isnin)

SOALAN :

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan supaya Kerajaan mengkaji semula keperluan untuk menghidupkan kembali Akta Keselamatan Dalam Negeri yang dimansuhkan bagi mengatasi ancaman keselamatan dan ketenteraman awam yang semakin meningkat.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan semula Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1961 bagi mengatasi ancaman keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini

Sekian, terima kasih.